AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

# KKM terima dana khusus RM3.7b urus COVID-19

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menerima peruntukan khusus RM3.7 bilion berkaitan pengurusan pandemik COVID-19, tidak termasuk perolehan vaksin.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata peruntukan itu disalur menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM1.6 bilion, manakala Belanjawan 2021 memperuntukkan RM1.4 bilion.

Selain itu, katanya, peruntukan tambahan lebih RM500 juta disediakan menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)

"Kerajaan Persekutuan turut menyalurkan bantuan tambahan kepada kerajaan negeri dengan nilai RM260 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Pakej Bantuan Kerajaan dalam sesi Penerangan Menteri pada Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14, semalam.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan menghargai peranan petugas barisan hadapan kesihatan yang terus berjuang memastikan operasi perkhidmatan kesihatan awam negara tidak lumpuh saat mengendalikan krisis dihadapi.

Menerusi pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), beliau berkata, sejumlah RM150 juta diperuntukkan bagi menambah lebih 3,500 petugas kesihatan untuk KKM.

"Kerajaan juga bersetuju memperuntukkan RM1.2 bilion bagi melanjutkan tempoh perkhidmatan lebih 14,000 pegawai perubatan dan jururawat lantikan kontrak sedia ada," katanya.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan turut melantik semula secara kontrak lebih 500 petugas kesihatan yang telah bersara wajib.

"Atas dasar keprihatinan kerajaan kepada barisan hadapan, elaun khas petugas kesihatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) turut diselaras kepada RM600. Secara keseluruhan, kerajaan memperuntukkan lebih RM300 juta bagi tujuan itu," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM200 juta bagi program penyumberan luar program imunisasi dengan kerjasama pihak perubatan swasta.

Kerajaan juga, katanya, mengadakan kerjasama dengan institusi kesihatan swasta untuk menerima pesakit COVID-19 yang dipindahkan dari hospital awam, selain membenarkan klinik dan hospital swasta berfungsi sebagai PPV.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Suntikan lebih 500,000 dos tiga hari berturut-turut

**Putrajaya:** Jumlah pemberian vaksin COVID-19 di seluruh negara melebihi 500,000 dos suntikan bagi tempoh tiga hari berturut-turut iaitu sebanyak 552,701 dos diberikan kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata daripada jumlah itu 353,771 adalah bagi suntikan dos pertama, manakala 198,930 lagi suntikan dos kedua.

Berdasarkan data dikongsikan beliau, pertambahan dos pertama dan kedua kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan vaksin diberikan kepada rakyat negara ini sebanyak 18,946,048 dos.

"Lebih 200,000 dos pertama dan kedua diterima di Lembah Klang membabitkan 239,874 dos. Daripada jumlah itu 156,757 meliputi dos pertama, manakala 83,117 bagi dos kedua.

"Ia menjadikan 85.5 peratus penduduk dewasa di kawasan Lembah Klang meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor sudah menerima suntikan pertama dan 31.1 peratus lagi lengkap dos kedua," katanya.

Selain Lembah Klang, beberapa negeri turut mendapat dos pertama tertinggi iaitu Johor sebanyak 36,493, diikuti Sabah (31,991), Pulau Pinang (23,457) dan Pahang (18,950).

Bagi dos kedua, Sarawak turut mendapat suntikan tertinggi dengan 29,096 dos, Perak (19,670), Negeri Sembilan (15,380) dan Kedah (10,761).

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# KKM kesan 38 kluster baharu

## Aktiviti ziarah, rentas negeri punca jangkitan meningkat

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Aktiviti ziarah ketika musim perayaan, rentas negeri dan mengadakan aktiviti sosial antara kluster baharu yang dikesan semalam dan kini sudah menjangkiti lebih 100 individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata terdapat 38 kluster baharu dikesan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) merangkumi 18 kluster di tempat kerja, komuniti (14), kumpulan berisiko (tiga) dan satu di pusat tahanan.

Beliau berkata, terdapat tiga kluster berpunca daripada aktiviti ziarah iaitu Kluster Kampung Mantera, Kota Bharu di Kelantan yang kini sudah menjangkiti 24 individu.

"Kes ini membabitkan aktiviti ziarah ketika sambutan perayaan yang berpunca daripada kes indeks seorang lelaki berusia 36 tahun yang dilaporkan positif COVID-19 pada Selasa lalu hasil saringan individu bergejala.

"Kes mula menunjukkan pada 23 Julai lalu dan nama kluster merujuk kepada lokaliti, di mana penularan kes berlaku iaitu di Kampung Mantera, Banggu, Kota Bharu.

"Sehingga kini, seramai 32 individu sudah disaring dan 24 daripadanya disahkan positif virus, termasuk 20 kes baharu hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Bagi kluster ziarah kedua, Dr Noor Hisham berkata, ia dikenali sebagai Kluster Dah Kampung Pokka di Padang Terap, Kedah membabitkan lelaki berusia 45 tahun selepas mengalami gejala sejak 20 Julai lalu.

"Sehingga kini, seramai 104 individu sudah disaring dan daripada jumlah itu 24 kes dilaporkan positif, termasuk enam kes baharu hari ini (semalam).

"Kluster ketiga aktiviti ziarah dikenali Kluster Jalan Denai Enam di Johor Bahru yang kini sudah menjangkiti 25 individu," katanya.

Mengenai aktiviti rentas negeri, Dr Noor Hisham berkata, terdapat dua kluster dikesan pihaknya iaitu Kluster Kampung Chenok Kadok serta Kluster Kampung Wakaf Stan dan kedua-duanya dikesan di Kelantan.

"Kes ini mempunyai sejarah merentas negeri dari Putrajaya ke Kelantan pada 17 hingga 21 Julai lalu atas urusan menziarah keluarga dan sehingga kini sudah menjangkiti 13 individu.

"Kluster Kampung Wakaf Stan pula membabitkan aktiviti rentas negeri dari Kedah ke Kelantan pada 17 hingga 23 Julai lalu," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 17,170 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kini meningkat kepada 1,078,646 kes.

Katanya, semua negeri mencatatkan kes baharu semalam dan empat negeri mencatatkan pertambahan empat angka.

Negeri terbabit adalah Selangor dengan 7,163 kes, Kuala Lumpur (2,138), Kedah (1,212) serta Johor (1,054).

Selain itu, turut mencatatkan pertambahan kes semalam ialah Negeri Sembilan dengan 884 kes baharu, Sabah (776), Pahang (638), Kelantan (615), Perak (596), Sarawak (582) dan Pulau Pinang (554).

"Bagi Terengganu, sebanyak 437 kes dilaporkan, Melaka (416), Putrajaya (84), Labuan (11) dan Perlis (10)," katanya.

> Kes ini mempunyai sejarah merentas negeri dari Putrajaya ke Kelantan pada 17 hingga 21 Julai lalu atas urusan menziarah keluarga dan sehingga kini sudah menjangkiti 13 individu



*Noor Hisham Abdullah,*
*Ketua Pengarah Kesihatan*

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Kematian di rumah meningkat

## 162 kes direkod dalam tempoh 8 hari cetus kebimbangan

Oleh Saiful Haizan Hasam
saiful.haizan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kes kematian pesakit COVID-19 di rumah atau meninggal dunia sebelum tiba di hospital (BID) dikesan, menunjukkan trend peningkatan yang membimbangkan apabila 162 kes direkodkan sepanjang tempoh lapan hari bermula 21 hingga 28 Julai lalu.

Berdasarkan angka itu, kes BID dikesan membabitkan kira-kira 12 peratus daripada 1,310 kematian pesakit COVID-19 yang berlaku sepanjang tempoh itu, termasuk 1,148 kes lagi meninggal ketika dalam dalam rawatan di hospital.

Sepanjang tempoh lapan hari itu, tiga kali kes BID mencatatkan angka kematian melebihi 30 pesakit sehari iaitu 33 kes pada 21 Julai, diikuti 32 kes (24 Julai) dan 31 kes (27 Julai).

Berdasarkan data kematian harian yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), sepanjang tempoh itu tiga negeri mencatatkan BID paling tinggi iaitu Selangor dengan 67 kes, Kuala Lumpur (34 kes) dan Melaka (14 kes).

Ini diikuti Kedah dengan lapan kes, Johor (7 kes), Sabah (6 kes), Pulau Pinang, Pahang dan Perak (masing-masing 5 kes). Kelantan, Negeri Sembilan dan Labuan pula masing-masing mencatatkan tiga kes manakala Terengganu dan Sarawak, masing-masing satu kes.

Mengulas data kematian terbabit, pakar kesihatan awam, Prof Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, berkata KKM perlu membuat siasatan menyeluruh bagi setiap kes BID bagi mengesan sebarang kelemahan yang boleh diperbaiki, kerana langkah itu dapat mengelak ia terus berulang.

Beliau berkata, antara punca kejadian itu mungkin pesakit COVID-19 tidak menyedari mereka dijangkiti walaupun bergejala kerana beranggapan ia adalah penyakit lain sehingga keadaan terlambat untuk diberi rawatan.

Katanya, ada juga pesakit yang sedar dijangkiti, namun tidak membuat pemeriksaan dan ujian awal kerana sikap ambil mudah dan menganggap ia tidak bahaya.

Beliau berkata, kelompok itu juga mungkin takut ke hospital, selain halangan melakukan ujian saringan kerana tidak berkemampuan dan walaupun ada klinik kerajaan yang percuma tetapi jauh dari tempat tinggal.

"Ada juga yang sudah lakukan ujian, tetapi tidak dipantau dengan sempurna kerana mereka sendiri tidak tahu apa yang perlu dipantau.



*Dr Lokman Hakim*

"Mereka juga mungkin lambat ke hospital apabila keadaan melarat kerana pelbagai sebab antaranya tinggal bersendirian dan ahli keluarga atau jiran tak tahu keadaan mereka selain sukar menghubungi dan mendapatkan khidmat ambulans dan sebagainya.

"Justeru, menjadi tanggungjawab KKM membuat siasatan ke atas setiap kes BID dan mengambil tindakan memperbaiki kelemahan," katanya.

Ditanya pelaksanaan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) maya yang membabitkan kuarantin kendiri di rumah berisiko meningkatkan kes BID, Dr Lokman Hakim yang juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) menjelaskan pusat itu bertujuan memastikan pemantauan kes bergejala dapat dibuat dengan lebih baik.

Beliau berkata, hal ini kerana CAC fizikal sudah tidak boleh menampung bilangan kes yang terlalu tinggi.

Katanya, yang penting rakyat perlu tahu apa yang hendak dipantau dan perkara itu akan dimaklumkan oleh CAC maya dengan syarat pesakit mesti mendaftar dengan aplikasi MySejahtera atau melapor diri ke pejabat kesihatan berdekatan dengan segera.

"Sistem CAC maya dibangunkan dengan kemampuan mengesan pesakit yang memerlukan pemeriksaan lanjut. Ada sistem 'red flag' yang akan menyebabkan petugas CAC membuat pemeriksaan susulan dengan pesakit.

"Dengan syarat pesakit mesti daftar dan lapor status setiap hari dan mereka mungkin diminta hadir sendiri ke CAC utk pemeriksaan lanjut," katanya.

Dr Lokman Hakim yang juga Ahli Kumpulan Penasihat, Rangka Kerja Kesiapsiagaan Pandemik Influenza Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Geneva, berkata sebaik pesakit dikesan CAC maya perlu diberi rawatan lanjut, tindakan segera akan diambil untuk membawa pesakit ke hospital.

Katanya, pesakit berisiko tinggi seperti mengandung, menjalani dialisis dan rawatan kanser akan dimasukkan ke hospital walaupun berada dalam kategori 1.

"Yang penting masyarakat perlu tahu gejala COVID-19 dan tahu tanda-tanda awal supaya segera ke hospital. Ahli keluarga dan masyarakat sekeliling juga perlu ambil tahu dan bantu pesakit yang memerlukan bantuan," tegasnya.

Sementara itu, Saintis Virologi Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad Amir Yunus, berkata berdasarkan data KKM, kes BID didapati paling banyak di Selangor.

Beliau berkata, kes BID tinggi di negeri itu boleh diringkaskan kepada tiga faktor iaitu sistem kesihatan yang amat terbeban, varian Delta berleluasa dan kadar vaksinasi masih rendah.

"Seperti yang kita tahu varian Delta ini adalah varian yang lebih mudah berjangkit dan amat efisien bereplikasi dalam perumah yang dijangkiti. Beban virus (kandungan virus) dalam tubuh yang dijangkiti boleh meningkat dengan tinggi dalam masa yang singkat," katanya

**Kes kematian pesakit COVID-19**

| Tarikh | Jumlah Kematian | Mati di hospital | BID* |
|---|---|---|---|
| 28 Julai | 143 | 129 | 14 |
| 27 Julai | 207 | 176 | 31 |
| 26 Julai | 207 | 193 | 14 |
| 25 Julai | 92 | 84 | 8 |
| 24 Julai | 184 | 152 | 32 |
| 23 Julai | 144 | 136 | 8 |
| 22 Julai | 134 | 112 | 22 |
| 21 Julai | 199 | 166 | 33 |
| **JUMLAH** | **1,310** | **1,148** | **162** |

BID = Kematian sebelum tiba di hospital

# Jabatan kesihatan bimbang VOC di Tanjung Agas

**Johor Bahru:** Jabatan Kesihatan Johor mengesyaki ada jangkitan COVID-19 membabitkan 'variant of concern' (VOC) di sebuah kilang elektronik di Tanjung Agas, Muar.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan, berkata ia disebabkan bilangan kematian yang dilaporkan tinggi membabitkan 13 pekerja setakat ini, walaupun masih belum ada pengesahan varian melalui ujian makmal, setakat ini.

Katanya, Jabatan Kesihatan Johor mengesahkan insiden yang berlaku di kilang elektronik berkenaan yang tular di media sosial, membabitkan Kluster Persiaran Agas.

"Kluster Persiaran Agas diisytiharkan pada 9 Julai lalu membabitkan pekerja daripada sebuah kilang elektronik pembuatan semikonduktor di Tanjung Agas, Tangkak.

"Sehingga semalam, jumlah kes yang dilaporkan di dalam kluster ini sebanyak 462 kes dengan sejumlah 13 kematian dilaporkan membabitkan kluster berkenaan, setakat ini.

"Dari bilangan itu, seramai 207 (44.8 peratus) orang membabitkan pekerja kilang itu, 155 warga tempatan, manakala 52 kes bukan warganegara.

"Sebanyak 255 kes lain kes yang dilaporkan dalam kalangan ahli keluarga dan kenalan pekerja kilang itu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Vidyananthan berkata, hampir semua daripada kematian itu dilaporkan mempunyai komorbiditi atau penyakit kronik dan lewat mendapat rawatan dalam tempoh empat hari daripada onset gejala dan tarikh mendapat rawatan.

Katanya, punca utama penularan secara meluas di Tanjung Agas dikesan disebabkan oleh tidak patuh prosedur standard operasi (SOP) dalam kalangan pekerja di tempat kerja, mahupun di dalam masyarakat.

"Ini dapat dilihat daripada peratusan tinggi kes penularan membabitkan komuniti di kawasan Tanjung Agas.

"Sebagai langkah pencegahan segera, jabatan kesihatan mengarahkan tindakan memanjangkan tempoh kuarantin ke 21 hari diambil, bagi semua kontak rapat kes penularan membabitkan kilang berkenaan," katanya.

Vidyananthan berkata, kes pertama yang dilaporkan di dalam kluster ini membabitkan seorang pekerja kilang yang mula bergejala (demam) pada 24 Jun lalu, namun sehingga 28 Jun, pekerja berkenaan masih lagi bekerja di kilang terbabit.

"Pemeriksaan serta ujian calitan RT-PCR diklinik kesihatan mengesahkan dia positif COVID-19 pada 2 Julai lalu.

"Susulan itu, wakil Pejabat Kesihatan Daerah Tangkak membuat siasatan di kilang pada 2 Julai lalu dan hasil pengesanan kontak dan saringan mendapati beberapa kes lagi dikenal pasti membabitkan pekerja kilang.

"Berikutan bilangan kes dan kematian yang tinggi, jabatan kesihatan membuat susulan ke atas tindakan pencegahan dan kawalan yang dilaksanakan di kluster itu, termasuk arahan penutupan kilang yang dilaksanakan bermula dari 3 Julai lalu, bagi tujuan siasatan dan aktiviti sanitasi.

"Ini bermula dengan penutupan seksyen yang melaporkan kes pada peringkat awal, diakhiri penutupan sepenuhnya keseluruhan kilang pada 14 Julai sehingga 20 Julai lalu," katanya.

**Terkini COVID-19** 12,930 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 17,170 Kes baharu disahkan, semalam | 8,725 Jumlah kematian dicatat | 1,078,646 jumlah kes disahkan positif | 179,179 kes yang masih dirawat

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# Persatuan gesa henti segera penjualan haram ivermectin




*Pihak penguat kuasa perlu menyita ivermectin yang dijual secara meluas di pasaran bagi mengelakkan kesan sampingan kepada pengguna.*

## Ubat belum daftar untuk rawat wabak dibimbangi beri kesan buruk kepada kesihatan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa supaya kegiatan penjualan haram ivermectin yang boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan, dihentikan segera.

MPS dan MMA dalam kenyataan bersama berkata, pihaknya terkejut dan bimbang dengan penjualan haram secara meluas ivermectin yang kononnya dapat mencegah jangkitan COVID-19.

Katanya, sejak beberapa minggu ini, Cawangan Penguatkusaan Farmasi yang menjalankan penguatkuasaan di seluruh negara berjaya menyita ubat itu yang dijual secara meluas.

Malah, beliau mendakwa ada ahli politik dan persatuan pengguna yang meminta penggunaan ubat ini sebagai profilaksis terhadap jangkitan COVID-19.

"Ivermectin adalah racun dalam kumpulan B yang belum didaftarkan di Malaysia untuk penggunaan bagi merawat atau mencegah COVID-19 dalam kalangan manusia.

"Ketika ini ubat itu hanya diluluskan untuk penggunaan label luar, bagi ujian klinikal yang dijalankan di 12 hospital di Malaysia," katanya, semalam.

Menurut kenyataan itu, tiada mana-mana doktor atau ahli farmasi yang boleh memberi preskripsi, selain yang diluluskan mengikut arahan oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Jika seseorang itu didapati menjual ubat berkenaan untuk rawatan atau pencegahan COVID-19, mereka boleh didenda antara RM25,000 sehingga RM50,000," katanya.

Katanya, sejak bermula pandemik itu, terdapat kajian dan pemerhatian rawak untuk menilai ivermectin sebagai rawatan dan profilaksis terhadap jangkitan COVID-19.

Bagaimanapun, katanya, terdapat bukti kepastian rendah bahawa profilaksis ivermectin dapat mengurangkan COVID-19.

"Namun penting untuk masyarakat memahami bahawa penggunaan ivermectin yang tidak terkawal boleh menyebabkan kesan sampingan yang buruk.

"Justeru, MPS dan MMA menggesa supaya kegiatan penjualan secara haram ubat itu dihentikan kerana ia boleh memberi kesan buruk kepada tahap kesihatan," katanya.

Sebaliknya, beliau berkata, rakyat Malaysia sepatutnya lebih mempercayai vaksin COVID-19 yang sudah menunjukkan kesan dalam mengurangkan kadar jangkitan dan kematian seperti di Wilayah Persekutuan Labuan.

# Tiada bukti kukuh ubat boleh rawat COVID-19

**Putrajaya:** Tiada bukti yang menyokong penggunaan ivermectin bahawa ubat berkenaan boleh digunakan dalam rawatan atau pencegahan COVID-19.

Dekan Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata hasil ujian itu dikeluarkan oleh Pengkalan Data Cochrane dari Ulasan Sistematik (CDSR).

"Secara keseluruhannya, menerusi bukti yang boleh dipercayai ia tidak menyokong penggunaan ivermectin bagi rawatan atau pencegahan COVID-19," katanya dalam Twitter, semalam.

Menerusi laman web CDSR, pihaknya mencari kajian rawak yang menyiasat penggunaan ivermectin dalam mencegah atau merawat COVID-19 ke atas manusia dan individu yang dirawat menggunakan ubat berkenaan harus menjalani ujian makmal serta menerima rawatan di hospital atau sebagai pesakit luar.

Beliau berkata, pihaknya turut membandingkan serta merumuskan keputusan ujian dengan membuat penilaian menerusi bukti dan kriteria umum sejauh mana bukti itu boleh dipercayai.



*Dr Adeeba Kamarulzaman*

Berikutan itu, CDSR menemui 14 kajian membabitkan 1,678 peserta yang menggunakan ivermectin tanpa rawatan, plasebo atau rawatan biasa.

"Untuk rawatan, ada sembilan kajian terhadap individu yang dijangkiti COVID-19 tahap sederhana di hospital dengan empat daripadanya adalah pesakit COVID-19 bergejala ringan dan dirawat sebagai pesakit luar.

"Kajian dilakukan menggunakan dos ivermectin yang berbeza dengan masa dan rawatan yang berbeza. Selain itu, CDSR menemui 31 kajian yang sedang berjalan serta 18 daripadanya masih memerlukan penjelasan daripada penyelidik dan ia belum diterbitkan," katanya.

CDSR memaklumkan, menerusi kajian itu pihaknya membahagikan dua keputusan utama yang merangkumi penggunaan ivermectin kepada pesakit COVID-19 yang dirawat di hospital serta pesakit luar yang dijangkiti virus berkenaan.

Bagi keputusan merawat pesakit COVID-19 di hospital, CDSR berkata, pihaknya tidak pasti penggunaan ivermectin terhadap pesakit berkenaan berbanding plasebo atau rawatan biasa.

"Selepas 28 hari menerima rawatan, kami tidak pasti penggunaan ivermectin dapat menambah atau mengurangkan kadar kematian (dua kajian, 185 individu), memberi keburukan atau memperbaiki keadaan pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan (dua kajian, 185 individu) atau oksigen (satu kajian, 45 individu) serta meningkatkan atau mengurangkan kejadian tidak diingini (satu kajian, 159 individu).

"Bagi rawatan selepas tujuh hari, kami tidak pasti sama ada ivermectin dapat meningkatkan atau mengurangkan ujian COVID-19 menjadi negatif (dua kajian, 159 individu).

"Selain itu, tiada bukti bahawa ivermectin berbanding plasebo atau rawatan biasa boleh membuat sedikit perbezaan atau tiada perbezaan memperbaiki keadaan pesakit COVID-19 selepas 28 hari menerima rawatan (satu kajian, 73 individu) atau tempoh tinggal di hospital (satu kajian, 45 individu)," katanya.

**AKHBAR** : HARIAN METRO
**MUKA SURAT** : 4
**RUANGAN** : COVID-19

# 56 disah positif sebelum sidang

**Kuala Lumpur:** Dua Ahli Parlimen, enam pegawai pengiring dan 48 pegawai pelbagai agensi kerajaan disahkan positif Covid-19 menerusi ujian saringan dilakukan sebelum Sidang Mesyuarat Khas Parlimen.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada keseluruhan 56 kes yang positif daripada 2,093 individu menjalani ujian saringan, 39 belum menerima dos vaksin lengkap atau belum menerima vaksin.

"Hasil siasatan dan penilaian risiko dijalankan setakat semalam (kelmarin), kes positif ini tidak mempunyai kaitan epidemiologi antara satu sama lain.

"Individu disahkan positif tidak dibenarkan hadir Sidang Parlimen dan diasingkan, dirawat serta diberi Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) termasuk kepada kontak rapat kes positif ini sebelum bermula Sidang Mesyuarat Khas Parlimen," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, siasatan diteruskan untuk mengesan kontak rapat kepada kes positif itu.

"Sehingga semalam (kelmarin), empat kontak rapat disahkan positif Covid-19 dan mereka ini tidak hadir sejak dari hari pertama persidangan berlangsung serta sedang dalam tindakan susulan pihak kesihatan.

"Seperti makluman umum, Sidang Mesyuarat Khas Parlimen berlangsung bermula 26 Julai lalu di Dewan Parlimen Negara.

"Pihak Parlimen bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) membangunkan beberapa prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan kelancaran perjalanan sidang serta mengurangkan risiko penularan jangkitan Covid-19 sepanjang persidangan ini," katanya.

Menurutnya, antara SOP ditetapkan kepada semua individu terbabit dalam persidangan adalah diwajibkan menjalani ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) iaitu tiga hari sebelum hadir ke Parlimen bagi Ahli Parlimen, pegawai pengiring dan kementerian.

> *Individu yang disahkan positif tidak dibenarkan hadir Sidang Parlimen dan diasingkan, dirawat dan diberi HSO termasuk kepada kontak rapat kes positif ini sebelum bermula Sidang Mesyuarat Khas Parlimen"*
>
> **Dr Noor Hisham Abdullah**

"Bagi pihak media, kakitangan Parlimen dan kontraktor, ujian makmal ini harus dibuat lima hari sebelum hadir di Parlimen.

"Individu bergejala juga dilarang hadir dan memasuki Parlimen.

"Ketika hari persidangan berlangsung, individu dengan keputusan negatif Covid-19 harus membawa salinan keputusan sebagai bukti manakala individu bergejala hendaklah diasingkan dan dirujuk untuk menjalani pemeriksaan kesihatan, penilaian risiko serta ujian saringan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, *booth* Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dipasang di Parlimen bagi menyediakan perkhidmatan *RTK-Ag Self-Test Kit Saliva* untuk saringan kendiri individu yang bergejala.

"Sebelum mendaftar masuk secara harian sepanjang tempoh persidangan, individu diwajibkan mendaftar kehadiran menggunakan imbasan kod respon pantas (QR) melalui aplikasi MySejahtera serta mengemaskini status risiko Covid-19 di paparan *Update My Covid-19 Risk Status* dalam aplikasi itu," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : COVID-19**

Kuala Terengganu

# Tujuh hari paling pilu

*Wanita kehilangan ayah, kakak dalam tempoh seminggu diragut virus*

Kehilangan dua ahli keluarga dalam tempoh seminggu akibat wabak Covid-19 adalah dugaan hebat buat Azenira Ali sekeluarga.

Azenira, 37, seorang suri rumah dari Felda Neram 2, Cheneh di Kemaman berkata, selama ini dia hanya membaca dan menonton pengalaman sedih orang lain namun tidak pernah terfikir perkara itu akan terjadi kepada ahli keluarganya sendiri.

"Ayah saya, Ali Mohamad, 70, meninggal dunia pada hari raya pertama Aidiladha (20 Julai) manakala kakak kedua, Alinda Ali, 47, pula meninggal dunia Isnin lalu (26 Julai).

"Ia berlaku terlalu cepat dan sampai sekarang kami enam beradik masih trauma dengan kehilangan mereka akibat Covid-19," katanya.

Harapannya kini agar rakyat Terengganu tidak mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan kerana hanya itu sahaja cara yang ada untuk mencegah penularan Covid-19.

"Bayangkan, rasa sedih dengan pemergian ayah belum reda, kami enam beradik terpaksa menerima hakikat kehilangan Alinda tanpa dapat mengucup kedua-dua mereka buat kali terakhir.

"Hanya van jenazah yang lalu di depan rumah, tanpa dapat kami menatap wajah dua insan tersayang. Cukuplah hanya kami yang melalui pengalaman ini kerana ia terlalu perit untuk dikenang," katanya.

Mengimbas kembali pemergian bapa dan kakaknya itu, Azenira berkata, bapanya yang menghidap penyakit diabetes, darah tinggi dan jantung mengadu tidak sihat beberapa hari sebelum Aidiladha dan menghembuskan nafas terakhir pada hari raya pertama tanpa sempat dibawa ke hospital.

"Pada hari yang sama juga Alinda mengalami pendarahan teruk di pangkal rahim dan dihantar ke Hospital Kemaman. Kakak disahkan positif Covid-19 ketika itu dan dihantar ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di Kuala Terengganu untuk rawatan lanjut.

"Keputusan ujian calitan ayah diterima dua hari selepas meninggal dunia dan turut disahkan positif. Sejurus mendapat keputusan, pengebumian dibuat mengikut SOP Covid-19," katanya.

Azenira berkata, bapanya tinggal bersama Alinda sekeluarga di Taman Sentosa, Bandar Cheneh Baru dan mula dikuarantin apabila suami Alinda menjadi kontak rapat rakan sekerja yang positif Covid-19.

Hasil dua ujian calitan terawal mendapati suami Alinda iaitu Saadon Abdul Rashid, 50, negatif wabak itu namun ujian calitan ketiga pada 18 Julai mendapati dia positif Covid-19.

Saadon dan seorang anak perempuannya yang positif wabak itu baru sahaja menamatkan kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) kelmarin manakala tiga anak lelakinya disahkan negatif.

Azenira berkata, ketika mula dimasukkan ke HSNZ, keadaan kakaknya agak teruk dan terpaksa memakai alat bantuan pernafasan selama beberapa hari sebelum dia kembali sihat.

"Kami sempat membuat panggilan video pada hari Sabtu dan ketika itu, kakak tidak lagi memerlukan alat bantuan pernafasan, tetapi ada mengadu rasa sempit.

"Itu kali terakhir kakak menjawab panggilan dan mesej kami enam beradik," katanya yang sudah kehilangan ibu pada 2018 akibat serangan jantung.

**Lepas lelah seketika**



**PETUGAS** kesihatan yang lengkap memakai peralatan perlindungan peribadi (PPE) melepaskan lelah buat seketika selepas melakukan ujian calitan Covid-19 terhadap penduduk Kampung Banggol Tok Jiring ketika tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Dato' Haji Abbas, Kuala Terengganu, semalam. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

## Tiga hari berturut-turut suntik lebih 500k dos

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 552,701 dos suntikan vaksin dilaporkan dilaksanakan di seluruh negara kelmarin menjadikan ia hari ketiga berturut-turut Malaysia merekodkan pemberian vaksin harian melebihi 500,000 dos.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba menerusi perkongsian infografik data pemberian vaksin melalui laman Twitternya berkata, daripada jumlah itu, seramai 353,771 individu menerima dos pertama dan 198,930 lagi melengkapkan dos kedua.

Menurut Dr Adham, jumlah pemberian vaksin covid-19 harian tertinggi menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) yang dilaksanakan sejak 24 Februari lalu adalah pada Selasa (27 Mei) dengan 553,871 dos suntikan manakala Isnin mencatatkan 521,923 dos.

Sementara itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) melalui laman Twitter memaklumkan secara kumulatifnya, sebanyak 18,946,048 dos sudah diberikan kepada penduduk di negara ini.

Setakat kelmarin, seramai 12,841,212 orang sudah dapat dos pertama dan 6,104,836 bagi dos kedua vaksin. - Bernama

**Setakat kelmarin, seramai 12,841,212 orang sudah mendapat dos pertama**

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT :10
RUANGAN : COVID-19

# ‘Kilang’ oksigen

## Loji oksigen di PKRC Maeps percepat pengisian semula bekalan dalam 10 minit



**600**
Bilangan tangki oksigen bersaiz 6.8 liter mampu diisi semula setiap hari

DR Shahabuddin menunjukkan tangki penyimpanan gas oksigen cecair berkapasiti 20,000 liter dengan ketinggian 50 kaki dan luas diameter 2.5 meter yang dibina di PKRC Maeps 2.0 di Serdang.



DIANGGARKAN 2,000 tong oksigen digunakan untuk rawatan pesakit Covid-19 di PKRC Maeps 2.0 setiap hari.

**Serdang**

Pekarangan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang kini menempatkan loji pengisian oksigen gred perubatan yang dapat memastikan bekalan oksigen untuk kegunaan pesakit covid-19 sentiasa mencukupi dan diperoleh dengan segera.

Sebelum ini, tong oksigen yang kosong perlu dihantar dari PKRC Maeps 2.0 ke Banting, Selangor sebanyak tiga kali sehari untuk pengisian semula dengan perjalanan sehala mengambil masa lebih sejam.

Namun kini perjalanan untuk melakukan pengisian semula tong oksigen mengambil masa tidak sampai 10 minit.

Pengarah PKRC Maeps 2.0 Dr Shahabuddin Ibrahim berkata, loji pengisian oksigen yang mula beroperasi sejak Sabtu lalu itu mempunyai kemampuan mengisi sehingga 600 tangki oksigen bersaiz 6.8 liter sehari bagi memastikan bekalan oksigen sentiasa konsisten dan mencukupi untuk pesakit covid-19 di fasiliti berkenaan.

“Silinder oksigen ini diperlukan dalam keadaan yang cepat,” katanya serta menambah pada setiap hari, kira-kira 2,000 tong oksigen digunakan di PKRC Maeps 2.0.

Dr Shahabuddin berkata, loji pengisian oksigen itu turut membantu pengisian semula tangki oksigen bagi fasiliti kesihatan di sekitar Lembah Klang yang memerlukan bekalan dalam kadar segera.

Menurut Dr Shahabuddin, loji pengisian oksigen di PKRC Maeps 2.0 itu adalah yang pertama dibina di luar kawasan hospital memandangkan kawasannya yang luas serta lokasinya yang strategik untuk membantu menampung peningkatan penggunaan oksigen di hospital di sekitar Lembah Klang.

Beliau berkata, pengoperasian loji itu akan dipantau pasukan keselamatan demi keselamatan loji untuk mengelakkan kebakaran, serta mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi memastikan *high-purity oxygen* yang selamat digunakan manusia.





LOJI pengisian oksigen di PKRC Maeps 2.0 adalah yang pertama dibina di luar kawasan hospital.

# Dr Noor Hisham beri suntikan vaksin

**Putrajaya:** Kesibukan dalam menjalankan tugas harian mengawal penularan Covid-19 di negara ini tidak menghalang Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah meluangkan masa menjadi vaksinator dengan memberikan suntikan vaksin kepada penduduk Seri Menanti, Negeri Sembilan.

Menerusi perkongsian gambar di laman Facebooknya kelmarin, Dr Noor Hisham dilihat menunjukkan picagari sebelum menyuntik beberapa individu yang hadir di Pusat Pemberian Vaksin Bergerak (PPVB) kendalian Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM).

Katanya, PPVB Seri Menanti itu diwujudkan khas bagi penduduk Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan bagi mempercepatkan pemberian vaksin di kawasan berkenaan.

Menurutnya, program PPVB Seri Menanti di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) itu sudah bermula sejak Isnin lalu hingga esok dan menyasarkan 80 peratus penduduk atau 2,500 individu akan diberikan suntikan vaksin bagi dos pertama.

“PPVB sebegini bertujuan untuk menyediakan akses yang lebih luas kepada masyarakat luar bandar untuk mendapatkan vaksin terutamanya bagi mereka yang masih belum mendaftar untuk vaksinasi di bawah Pick atau belum menerima tarikh janji temu melalui aplikasi MySejahtera.

“Sehingga 28 Julai, seramai 1,728 penduduk di sekitar Seri Menanti sudah divaksinasi melalui dua kaedah penyampaian iaitu pusat pemberian vaksin satelit di Seri Menanti Resort bagi individu yang stabil.

“Dan kaedah kedua ialah menerusi lawatan rumah ke rumah dalam kawasan Seri Menanti bagi pesakit yang terlantar di rumah atau warga emas, orang kelainan upaya (OKU) yang tiada kemampuan untuk hadir ke PPV,” katanya.



DR Noor Hisham menyuntik vaksin kepada seorang penduduk di PPVB Seri Menanti.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : COVID-19

Redah laut



**PASUKAN** Unit Bergerak Vaksinasi Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan (PKD SPS) membawa peti khas berisi vaksin Covid-19 untuk menaiki bot menempuh perjalanan lebih kurang lima minit ke Pulau Aman, Batu Kawan, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

17,170 JANGKITAN

# 174 kematian dicatat

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

**1,043**
Bilangan pesakit dirawat di ICU

Kuala Lumpur

Angka kes harian positif Covid-19 tidak banyak berubah apabila merekodkan 17,170 kes semalam dengan 174 kes kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes wabak itu di negara ini sebanyak 1,078,646 kes manakala sebanyak 179,179 kes aktif.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu, 16,787 kes (97.7 peratus) pesakit kategori satu dan dua manakala 383 kes (2.3 peratus) pesakit kategori tiga hingga lima.

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa didiagnosa Covid-19.

"Ada antaranya kekal kategori sama sepanjang tempoh jangkitan namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 1,043 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 531 individu memerlukan alat bantuan pernafasan.

Selain itu, katanya, kes kematian dilaporkan membabitkan 157 warganegara dan 17 bukan warganegara.

"Daripada jumlah itu, 70 kes kematian dilaporkan di Selangor, 20 kes di Kuala Lumpur, masing-masing 17 kes di Johor dan Kedah serta 10 kes di Melaka.

"Selain itu, masing-masing sembilan kes di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang, masing-masing lapan kes di Sabah dan Terengganu, tiga kes di Perak, dua kes di Kelantan serta satu kes di Pahang," katanya.

Beliau berkata, pertambahan kes kematian menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 ialah 8,725 kes.

Katanya, negara turut merekodkan 12,930 kes sembuh semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 890,742 kes atau 82.6 peratus daripada keseluruhan kes.

Menurutnya, 36 kluster baharu dikenal pasti semalam menjadikan keseluruhan 3,604 kluster direkodkan setakat ini dengan 1,064 kluster aktif.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 38
RUANGAN : WANITA METRO

WM
WANITA METRO

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@nstp.com.my



# PENINGKATAN KETARA PESAKIT HEPATITIS

Lebih sejuta rakyat Malaysia dijangkiti hepatitis B kronik, 2.5 peratus dewasa positif antibodi terhadap jangkitan hepatitis C

Kes jangkitan hepatitis di negara ini menunjukkan peningkatan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sebelum ini berkata, hepatitis yang lazim dilaporkan di negara ini ialah A, B dan C dengan kadar notifikasi hepatitis A masih rendah meskipun menunjukkan sedikit peningkatan dalam tempoh itu iaitu 0.1 orang bagi setiap 100,000 penduduk pada 2009 kepada 0.3 orang bagi 100,000 penduduk pada 2019.

Bagi hepatitis B pula, kadar notifikasi adalah lebih tinggi dan menunjukkan peningkatan iaitu daripada 2.1 orang bagi 100,000 penduduk pada 2009 kepada 15.3 orang bagi 100,000 penduduk pada 2019.

Peningkatan juga ditunjukkan bagi jangkitan hepatitis C dalam tempoh sama, iaitu daripada 3.7 bagi setiap 100,000 penduduk kepada 10.6 bagi setiap 100,000 penduduk.

Apakah sebenarnya penyakit hepatitis?

Hepatitis adalah penyakit yang membabitkan salah satu organ terbesar dan penting di

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : MUKA DEPAN
RUANGAN : NEGARA



SEMUA suntikan vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan adalah diberikan secara percuma kepada rakyat Malaysia. – GAMBAR HIASAN

Harga serendah RM100, daftar hari ini dan esok dapat janji temu

# Slot cucuk vaksin masih dijual

KEGIATAN penjualan slot janji temu vaksinasi nampaknya masih berlaku apabila seorang individu yang bertugas di sebuah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Lembah Klang telah menawarkan kemudahan itu kepada wartawan *Kosmo!* yang menyamar sebagai pelanggan.

Individu terbabit yang dikenali sebagai Ridzuan berkata, dia menawarkan harga serendah RM100 bagi setiap slot yang lengkap dua dos suntikan vaksin dan kadar itu didakwanya adalah lebih murah berbanding PPV lain yang boleh mencecah sehingga RM300.

Lebih mengejutkan apabila lelaki terbabit mendakwa, kakitangan Kementerian Kesihatan sendiri yang akan menguruskan prosedur kemasukan nama dalam aplikasi MySejahtera bagi mengisi kekosongan dalam kategori *standby list*.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Kegiatan penjualan slot vaksinasi serendah RM100 masih berlaku di PPV

# Hari ini daftar, esok dapat janji temu

Oleh WARTAWAN *KOSMO!*

**KUALA LUMPUR** – "Selepas nama terpapar di aplikasi MySejahtera, barulah buat bayaran kepada saya sebanyak RM100."

Itu tawaran tempahan slot janji temu vaksinasi yang dibuat seorang individu yang mengaku bertugas di sebuah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Lembah Klang kepada wartawan *Kosmo!* yang menyamar sebagai pelanggan baru-baru ini.

Menurut individu terbabit yang dikenali sebagai Ridzuan, dia menawarkan harga serendah RM100 bagi setiap slot dan kadar tempahan itu didakwanya adalah lebih murah berbanding PPV lain yang boleh mencecah RM300.

Dakwanya, harga semurah itu ditetapkan kerana mereka tidak mahu membebankan orang ramai terutama yang belum menerima suntikan vaksin Covid-19.

Katanya, harga itu ditawarkan bagi dua dos suntikan dan sebanyak 10 slot janji temu disediakan setiap hari di PPV berkenaan untuk penerima yang sudah membuat bayaran.

"Kami tidak mahu membebankan pengguna, sebaliknya harga yang ditawarkan ini sebagai 'manis-manis' buat petugas yang menguruskan proses ini.

"Kita tahu bahawa vaksin ini sepatutnya diberikan secara percuma kepada orang ramai, tetapi biasalah, kalau ada bayaran cepat sikit prosesnya. Pembayaran melalui online sahaja," katanya.



PEMBERIAN vaksin kepada rakyat Malaysia dan juga pekerja warga asing ketika ini adalah secara percuma. – GAMBAR HIASAN

Bagi mendapatkan suntikan, wartawan *Kosmo!* turut diminta untuk memberikan nama penuh, nombor MyKad serta nombor telefon untuk didaftarkan dalam aplikasi MySejahtera.

Individu terbabit memaklumkan proses mendaftarkan nama untuk menerima suntikan vaksin dalam aplikasi berkenaan hanya memerlukan tempoh 24 jam.

"Senarai nama akan diserahkan kepada pegawai perubatan bertugas dalam tempoh itu juga.

"Hari ini daftar, esok akan tertera nama anda dan tarikh suntikan dalam aplikasi. Kebiasaannya suntikan akan dibuat pada hari yang sama.

"Biasanya untuk panggilan janji temu tidak kira waktu. Contohnya panggilan keluar di aplikasi MySejahtera pukul 12 tengah hari dan penerima perlu hadir ke PPV mungkin pukul 2 atau 3 petang," kata Ridzuan.

Ketika wartawan *Kosmo!* mempersoalkan ketelusan proses itu, Ridzuan mendakwa, kakitangan Kementerian Kesihatan sendiri yang akan menguruskan prosedur kemasukan nama dalam aplikasi MySejahtera.



NAMA individu yang membeli slot janji temu vaksinasi akan dimasukkan dalam aplikasi MySejahtera bagi memudahkan urusan suntikan.

Malah dakwanya, Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) juga kononnya bersetuju dengan prosedur yang dilakukan tersebut dan tiada istilah potong barisan penerima vaksin lain.

Tindakan itu dilakukan bagi mengisi kekosongan slot yang sememangnya telah disediakan lebih awal oleh pihak KKM sebagai kategori *standby list*.

# Polis terima 38 laporan isu jual vaksin, kerugian RM54,500



MOHD. KAMARUDDIN

**KUALA LUMPUR** – Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman mengesahkan pihaknya telah menerima 38 laporan yang dibuat mangsa berkaitan isu penjualan vaksin yang melibatkan kerugian sebanyak RM54,500 setakat ini.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamaruddin Md. Din berkata, pihaknya juga menerima empat laporan berhubung aktiviti penipuan penjualan vaksin Covid-19.

"Sehingga kini, seramai lapan individu sudah dipanggil untuk memberi keterangan dan kesemua mereka sudah dibebaskan dengan jaminan polis sementara siasatan diteruskan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, berdasarkan maklumat yang diterima pihaknya, kegiatan penjualan vaksin berlaku apabila sindiket yang menyamar sebagai petugas kesihatan menawarkan kemudahan itu kepada individu yang mahu membeli vaksin tersebut.

Katanya, bagaimanapun terdapat pelanggan yang dipercayai membatalkan pembelian di saat-saat akhir menyebabkan sindiket terbabit berang.

"Sindiket kemudian mengugut akan membuat laporan kepada pihak berkuasa kononnya mangsa telah membeli vaksin Covid-19 secara haram.

"Ugutan itu menyebabkan mangsa menjadi panik serta terpedaya dan kemudian terpaksa mengikut arahan yang diberikan sindiket terbabit," ujarnya.

Mengenai isu penjualan slot janji temu vaksinasi di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pula, Kamaruddin berkata, JSJK belum menerima laporan berkaitan kegiatan itu.

"Kita harap ada pihak atau individu yang tampil membantu siasatan kes ini," ujarnya.

Baru-baru ini, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar dilaporkan berkata, Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) akan mengambil tindakan bagi membendung isu penjualan slot janji temu vaksinasi dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurutnya, Jawatankuasa Integriti dan Siasatan telah ditubuhkan di bawah CITF yang dianggotai PDRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia.

Satu garis panduan pemantauan vaksin dan penyediaan *standby list* juga telah dikuatkuasakan di PPV untuk memastikan tiada penyalahgunaan kuasa dalam pemberian vaksin.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

# Dua hari kekal lebih 17,000 kes Covid-19

**PUTRAJAYA** – Negara kekal merekodkan kes harian melepasi 17,000 dengan 17,170 kes semalam termasuk 32 kes import, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 mencecah 1,078,646 kes.

Ini kali ketiga kes harian negara melebihi angka tersebut termasuk pada kelmarin sebanyak 17,405 kes dilaporkan sekali gus tertinggi serta pada 25 Julai dengan 17,045 kes.

Pesakit sedang dirawat dan diasingkan juga terus meningkat menghampiri 180,000 iaitu sebanyak 179,179 kes termasuk 1,043 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 531 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kes sembuh masih merekodkan angka tertinggi semalam dengan 12,930 kes, menjadikan jumlah kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 890,742 kes.

Terdapat 174 kes kematian Covid-19 termasuk 17 warga asing serta melibatkan 98 lelaki dan 76 wanita dengan sebanyak 28 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian semalam, sebanyak 383 kes (2.3 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat dan lima, manakala sebanyak 16,787 kes (97.7 peratus) daripada kategori satu dan dua.

"Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Berdasarkan status vaksinasi, terdapat 47 kes kategori lima iaitu tiga kes ada sejarah vaksinasi dan 44 kes tiada sejarah vaksinasi serta 138 kes kategori empat dengan 20 kes ada sejarah vaksinasi dan 118 kes tiada sejarah vaksinasi," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.




**PELBAGAI variasi pelitup muka dijual bagi mengekang penularan di sekitar Bukit Bintang, Kuala Lumpur semalam.** – FARIZ RUSADIO

## COVID-19

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 17,170 |
| Import: | 32 |
| Tempatan: | 17,138 |
| Pulih | 12,930 |
| Kematian | 174 |
| Masih dirawat | 179,179 |
| Jumlah kes sembuh | 890,742 |
| Jumlah Kematian | 8,725 |
| Jumlah kes keseluruhan | 1,078,646 |

# Enam kluster ziarah raya, rentas negeri dikesan

**PUTRAJAYA** – Enam kluster komuniti melibatkan aktiviti ziarah raya dan rentas negeri di Sabah, Kelantan, Kedah, Selangor dan Johor antara kluster baharu yang dikesan pada hari ini.

Kluster tersebut ialah Kluster Lahat-Lahat di Tawau, Sabah (20 kes); Kluster Wakaf Stan di Kota Bharu, Kelantan dan Kubang Pasu, Kedah (lapan kes); Kluster Kampung Chenok Kadok di Kota Bharu dan Petaling, Selangor (13 kes); Kluster Kampung Mentera di Kota Bharu (24 kes); Kluster Dah Kampung Pokka di Padang Terap, Kedah (24 kes) serta Kluster Jalan Denai Enam di Johor Bahru, Johor (25 kes).

Menurut rumusan kluster baharu yang dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan, Kluster Lahat-Lahat melibatkan sebuah majlis sosial pada 19 Julai di Kampung Lahat-Lahat, Pulau Sebatik, Wallace Bay, Tawau.

"Kes indeks adalah seorang lelaki berusia 31 tahun yang positif Covid-19 pada 25 Julai hasil saringan merentas negeri dan dia bekerja di Selangor telah merentas negeri ke Sabah pada 13 Julai," katanya di sini semalam.

Kluster Wakaf Stan pula melibatkan kes indeks wanita berusia 26 tahun yang positif pada 26 Julai serta mempunyai sejarah merentas negeri dari Kedah ke Kelantan pada 17 hingga 23 Julai.

"Seterusnya, Kluster Kampung Chenok Kadok dengan kes indeks wanita berusia 23 tahun yang positif pada 25 Julai dan mula bergejala pada 21 Julai.

"Wanita tersebut mempunyai sejarah merentas negeri dari Putrajaya ke Kelantan pada 17 hingga 21 Julai atas urusan menziarahi keluarga," katanya.

Selain itu, Kluster Kampung Mentera melibatkan aktiviti ziarah-menziarahi semasa perayaan dengan kes indeks lelaki berusia 36 tahun serta positif pada 27 Julai dan mempunyai gejala bermula pada 23 Julai.

"Kluster Dah Kampung Pokka juga melibatkan aktiviti ziarah-menziarahi di Kampung Pokka, Kuala Nerang, Padang Terap sempena perayaan dengan kes indeks lelaki berusia 45 tahun yang positif pada 23 Julai sebagai kes jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) serta mula bergejala pada 20 Julai," katanya.

Dalam pada itu, Kluster Jalan Denai Enam juga melibatkan aktiviti ziarah-menziarahi di Jalan Denai 6, Kempas Baru, Johor Bahru sempena sambutan majlis perayaan.

"Kes indeks ialah wanita berusia 35 tahun yang dilaporkan positif pada 26 Julai dan dia mula bergejala pada 23 Julai," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# 'Yakini vaksin sedia ada'

Pakar berpendapat vaksin digunakan kini berkesan lawan varian baharu Covid-19



Jururawat menunjukkan picagari mengandungi vaksin jenis Sinovac kepada seorang penerima sebelum memberi suntikan di Dewan Datuk James Ratib di Botition, Sabah.

KUALA LUMPUR

Kemunculan varian baharu yang lebih agresif mencetuskan persoalan dalam kalangan masyarakat tentang keberkesanan vaksin Covid-19 sedia ada.

Isu itu turut menjadi perhatian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mendesak syarikat farmaseutikal segera memastikan vaksin keluaran mereka kekal relevan terhadap apa juga varian.

Di negara ini, isu keberkesanan vaksin juga hangat diperkatakan, khususnya apabila kerajaan menghentikan pemberian vaksin Covid-19 keluaran Sinovac Biotech Ltd (Sinovac), syarikat farmaseutikal dari China.



DR NURUL YUZIANA

Pensyarah kanan di Kluster Kesihatan Persekitaran, Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Nurul Yuziana Mohd Yusof berkata, vaksin sedia ada, baik keluaran Sinovac, Pfizer Inc atau AstraZeneca Plc terbukti berupaya menghalang jangkitan yang teruk dalam kalangan individu positif Covid-19.

Katanya, kajian menunjukkan vaksin itu melindungi individu daripada jangkitan. SARS-CoV-2 iaitu virus penyebab Covid-19.

Mengenai perbezaan antara vaksin keluaran Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac, beliau berkata, vaksin Pfizer dan AstraZeneca menghasilkan antibodi khusus bagi *spike protein* (protein pepaku) virus, sementara Sinovac mewujudkan antibodi meluas terhadap struktur virus termasuk protein pepaku.

"*Spike protein* berperanan seolah-olah pintu pada sel untuk kemasukan virus Covid-19 dan sebarang antibodi yang menyasarkan atau 'melekat' pada *spike protein* akan menghalang kemasukan virus ke dalam sel tubuh seterusnya meneutralkan virus itu dan ia tidak boleh masuk ke dalam sel serta berganda menjadi banyak," jelas beliau.

Menyentuh keberkesanan ketiga-tiga vaksin tersebut terhadap varian baharu Covid-19, Dr Nurul Yuziana berkata, beberapa kajian menunjukkan dua dos vaksin Pfizer dan AstraZeneca mempunyai keberkesanan lebih 50 peratus melawan varian baharu.

"Kajian diterbitkan *New England Journal of Medicine*, Pfizer mempunyai keberkesanan hingga 93.7 peratus terhadap varian Alfa dan 88 peratus bagi Delta, manakala AstraZeneca ialah 74.5 peratus (Alfa) dan 67 peratus (Delta).

"Bagi Sinovac, belum ada lagi data saintifik," katanya.

Pada 23 Julai lepas, Sinovac menegaskan vaksin CoronaVac keluarannya berupaya melawan varian Delta meskipun belum ada data mengenai kesan vaksin berkenaan. - *Bernama*

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

## Langkah radikal elak 24,000 kes sehari

**SHAH ALAM** - Kerajaan perlu melaksanakan langkah radikal bagi mengelakkan jangkitan Covid-19 dalam negara mencecah hingga 24,000 kes sehari menjelang September depan.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki berkata, pendekatan itu tidak boleh lagi bersifat *trial and error* serta separuh masak seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, PKP 3.0 dan sekatan pergerakan penuh yang bersifat ala kadar apabila rakyat dipaksa berkurung, sedangkan industri terus beroperasi.

Beliau turut melahirkan kebimbangan dengan pendedahan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang menjangkakan kes meningkat.

"Ketika ini pun kes sudah mencecah 17,000 sehari. Namun untuk turun sampai 1,000 sahaja pada Oktober, saya sedikit curiga," katanya di Facebook pada Khamis.

Pada 16 Julai lalu, *Sinar Harian* melaporkan Malaysia diramal mencapai tahap kemuncak penularan Covid-19 pada pertengahan September iaitu 24,000 kes positif sehari sebelum turun kepada 1,000 kes sehari pada Oktober.

"Apakah kerajaan bersedia terima angka kematian yang tentunya meningkat seiring kes yang mencanak?

"Kita tidak boleh bertolak ansur dengan kematian yang meningkat itu," katanya.

## Dulu lebih sejam, kini hanya 10 minit isi tabung oksigen



Dr Shahabuddin menunjukkan tangki penyimpanan gas oksigen cecair berkapasiti 20,000 liter yang dibina di PKRC Bersepadu 2.0 di Serdang mula beroperasi menampung peningkatan penggunaan oksigen.

**SERDANG** - Pekarangan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang kini menempatkan loji pengisian oksigen gred perubatan yang memastikan bekalan oksigen kegunaan pesakit Covid-19 sentiasa mencukupi dan diperoleh dengan segera.

Jika sebelum ini, tong oksigen yang kosong perlu dihantar dari PKRC MAEPS 2.0 ke Banting sebanyak tiga kali sehari untuk pengisian semula dengan perjalanan sehala mengambil masa lebih sejam, kini perjalanan melakukan pengisian semula tidak sampai pun 10 minit.

Pengarah PKRC MAEPS 2.0, Dr Shahabuddin Ibrahim berkata, loji pengisian oksigen yang beroperasi sejak Sabtu lepas itu mampu mengisi sehingga 600 tangki oksigen bersaiz 6.8 liter sehari bagi memastikan bekalan oksigen sentiasa konsisten dan mencukupi untuk pesakit Covid-19 di fasiliti tersebut.

"Silinder oksigen diperlukan dalam keadaan yang cepat," katanya sambil menambah setiap hari, kira-kira 2,000 tong oksigen digunakan di PKRC MAEPS 2.0.

Jelasnya, loji pengisian oksigen itu membantu pengisian semula tangki oksigen bagi fasiliti kesihatan di Lembah Klang yang memerlukan bekalan segera.

Jelasnya, loji pengisian oksigen di PKRC MAEPS 2.0 itu adalah yang pertama dibina di luar kawasan hospital memandangkan kawasan yang luas serta lokasinya strategik untuk menampung peningkatan penggunaan oksigen di hospital di sekitar Lembah Klang. - *Bernama*

## Dua kes varian Delta direkod di Terengganu

**KUALA TERENGGANU** - Orang ramai diminta lebih berwaspada susulan dua kes positif dikesan melibatkan varian Delta atau varian mutasi berganda dari India yang direkodkan di daerah Kuala Terengganu.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak berkata, setakat ini pelaksanaan penjujukan genom atau ujian terhadap sampel lain diambil dalam kalangan pesakit sedang dilakukan bagi mengenalpasti varian terbabit.

"Setakat ini, dua kes varian Delta dikesan melibatkan daerah Kuala Terengganu.

"Kita kita masih menunggu keputusan *genom test* bagi sampel lain yang dihantar ke Kuala Lumpur untuk menentukan jangkitan berpunca daripada varian apa. Kita harap sampel yang dihantar bukan daripada varian Delta," katanya pada Khamis.



DR ALIAS

Mengulas lanjut, Alias menyifatkan perkembangan itu amat membimbangkan dan meminta orang ramai untuk lebih berdisiplin serta terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Kebolehjangkitan varian itu begitu singkat, malah jangkitannya lebih mudah iaitu melalui udara berbanding titisan air liur.

"Sebelum ini jarak satu meter sudah cukup untuk elak jangkitan, namun varian ini boleh berjangkit melalui udara," katanya.

Berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga Rabu, sebanyak 199 kes varian Delta direkodkan di seluruh negara termasuk 10 kes import.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kes baharu masih lebih 17,000

Selangor kekal sebagai negeri tertinggi dengan 7,163 kes Covid-19

**KUALA LUMPUR**

Kes baharu positif Covid-19 pada Khamis dilaporkan sebanyak 17,170 menjadikannya hari kedua berturut-turut negara ini merekodkan kes melebihi 17,000.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi ciapan di Twitter berkata, jumlah kumulatif kes dalam negara kini meningkat kepada 1,078,646.

Selangor kekal negeri mencatatkan pertambahan kes tertinggi iaitu sebanyak 7,163 kes, diikuti Kuala Lumpur dengan 2,138 kes.

"Selain itu, Kedah merekodkan 1,212 kes; Johor (1,054); Negeri Sembilan (884); Sabah (776); Pahang (638); Kelantan (615); Perak (596); Sarawak (582); Pulau Pinang (554); Terengganu (437) dan Melaka (416)," katanya.

Putrajaya pula merekodkan kes sebanyak 84 diikuti Labuan (11) dan Perlis (10).

Dr Noor Hisham menerusi kenyataan media memaklumkan pesakit sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) melebihi angka 1,000 dengan 1,043 kes, manakala 531 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan.

Menurutnya, 12,930 kes sembuh wabak itu dicatatkan dalam tempoh 24 jam lalu, menjadikan jumlah kes pulih sepenuhnya di negara ini ialah 890,742 kes.

"Terdapat 174 kes kematian dilaporkan hari ini (Khamis) menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian sebanyak 8,725 kes setakat ini.

"Kes kematian itu melibatkan 157 warganegara dan 17 lagi adalah warga asing, jelasnya.

Dr Noor Hisham berkata, 36 kluster baharu dikesan pada Rabu dengan 18 daripadanya berkaitan tempat kerja, 14 kluster komuniti, tiga kluster kumpulan berisiko tinggi serta satu kluster pusat tahanan.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?



DR NOOR HISHAM

Beliau turut berkongsi nilai kadar kebolehjangkitan Covid-19 atau R-naught (Rt) di Malaysia pada Rabu adalah 1.16 dengan Terengganu mencatatkan nilai tertinggi iaitu 1.33, diikuti Kelantan (1.26) serta Sabah dan Pulau Pinang masing-masing 1.25.

Katanya, semua negeri mencatatkan Rt melebihi 1.0 kecuali Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Labuan dan Perlis.

Sementara itu, beliau berkata, daripada 17,170 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 383 kes (2.3 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat, dan lima manakala sebanyak 16,787 kes (97.7 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Perkara ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu diagnosa Covid-19.

"Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," katanya. - *Bernama*

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI




Kategori 1: Tanpa gejala
Kategori 2: Gejala ringan
Kategori 3: Jangkitan paru-paru
Kategori 4: Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5: Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 29 Julai 2021

### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| JUMLAH KESELURUHAN | PULIH | ICU | KEMATIAN | KES BAHARU | SUDAH DIVAKSIN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1,078,646 | 890,742 | 1,043 | 8,725 | 17,170 | 18,946,048 |

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

# Tak setuju pinda Akta Pencen

Cuepacs bimbang pindaan akta beri kesan kepada penjawat awam secara keseluruhan

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) tidak bersetuju dengan cadangan untuk meminda Akta Pencen 1980 hanya semata-mata bagi membolehkan pelantikan kakitangan ke jawatan tetap dengan pilihan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dapat dilaksanakan.

Presiden Cuepacs, Adnan Mat berkata, pihaknya khuatir dengan kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah bahawa pasukan petugas khas dianggotai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) akan melihat keperluan untuk meminda Akta Pencen 1980 berkenaan.

"Ketika ini, mana-mana penjawat awam yang ditawarkan ke jawatan tetap dalam perkhidmatan boleh memilih sama ada mahu skim berpencen atau skim caruman KWSP.

"Perkara ini sememangnya sudah sedia ada dalam Akta Pencen 1980 yang memberi pilihan kepada penjawat awam," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Dr Noor Hisham dilapor berkata bahawa pasukan petugas khas yang diketuai MMA dan KKM diharap dapat meneliti pindaan terhadap Akta Pencen 1980.

Ia bagi membolehkan pengambilan ke jawatan tetap dilakukan dengan pilihan caruman kepada KWSP dalam tempoh dua tahun untuk semua lanjutan kontrak yang diberi kepada 23,000 doktor ketika ini.

Adnan menambah, Cuepacs bimbang pindaan akta yang mahu dilakukan itu akan memberi kesan kepada penjawat awam secara keseluruhan yang mana mereka tidak lagi boleh memilih skim tetap berpencen atau caruman KWSP.



ADNAN MAT

"Apatah lagi buat masa ini tiada sebarang jaminan daripada kerajaan apakah pindaan akta ini tidak akan memberi kesan kepada penjawat awam yang lain atau ia hanya melibatkan penjawat awam di sektor kesihatan sahaja.

"Sebarang pindaan ke atas Akta Pencen 1980 sepatutnya tidak wajar mengurangkan apa-apa faedah yang diterima oleh penjawat awam atau pesara kerajaan ketika ini.

"Cuepacs menentang sepenuhnya pindaan ke atas Akta Pencen 1980 yang bersifat mengurangkan lagi manfaat atau faedah yang diterima oleh penjawat awam," tegasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, jalan penyelesaian lain yang boleh dipertimbangkan kerajaan adalah melihat dan meminda semula Akta Perubatan 1971.

"Cuepacs minta pihak yang terlibat dalam menentukan masa depan petugas sektor kesihatan menimbang semula keputusan untuk meminda akta ini dengan sebaiknya," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : GAYA/AGAMA



CREW Tanah Kubur Ijok menguruskan pengebumian jenazah mangsa Covid-19 mengikut SOP yang ditetapkan.

# Kebumi jenazah Covid-19 pengalaman baharu CTKI

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS
utusanews@mediamulia.com.my

PANDEMIK Covid-19 menjadi penyakit yang amat menggerunkan di negara ini sejak dua tahun lalu disebabkan jumlah kematian mencecah empat angka.

Jumlah kes Covid-19 juga kini mencecah tujuh angka di seluruh negara.

Setiap urusan pengebumian jenazah pesakit Covit-19 sebelum ini dikendali kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun ekoran peningkatan kes kematian, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut menghulurkan bantuan untuk melaksanakan fardu kifayah tersebut.

Sebuah NGO di Kuala Selangor, Crew Tanah Kubur Ijok (CTKI) mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan urusan 'perjalanan' terakhir melibatkan lebih 10 jenazah sejak pertengahan Julai tahun ini.

Menurut Pengerusi CTKI, Mad Isa Adnan, 64, tanggungjawab menyempurnakan jenazah pesakit Covid-19 dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat merupakan suatu pengalaman yang sangat berharga bagi NGO tersebut.

"Prosedur pengebumian, waris, wakil keluarga, pihak kariah surau, masjid akan menghubungi saya untuk memaklumkan ada jenazah akan dikebumikan pada waktu yang ditetapkan.

"Apabila semua maklumat diperoleh, saya akan mengumpulkan anggota CTKI untuk urusan menggali kubur. Alhamdulillah biasanya tujuh atau lapan orang akan hadir di kawasan Tanah Perkuburan Ijok di sini," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Mad Isa berkata, apabila ada permintaan pihak CTKI menguruskan jenazah pesakit Covid-19, pada awalnya mereka bimbang dijangkiti virus tersebut.

Namun setelah diberi taklimat oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) jelasnya, anak-anak buahnya bersetuju untuk melunaskan tanggungjawab mengebumikan jenazah pesakit Covid-19.

"Setakat ini lebih 10 jenazah pesakit Covid-19 pihak CTKI uruskan. Kesemuanya dari kawasan Ijok. Ada juga jenazah pesak[it] asal dari luar kariah yang tinggal di sini kita tetap melaksanakan fardu kifayah untuk segera dikebumikan," katanya.

Mad Isa berkata, pihaknya akan sentiasa memastikan kawasan perkuburan sentias[a] bersih dan terjaga bagi memastikan 'penduduk' tetap disemadikan dengan sistematik.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : GAYA/AGAMA



MAD ISA ADNAN



BORHAN KAMURI



SAIFUL NAZRIN RAHMAT




GABUNGAN alat manual dan mesin melicinkan kerja menggali kubur jenazah termasuk mangsa Covid-19.

# PKD pantau proses kebumi

SEMENTARA itu, Timbalan Pengerusi CTKI, **Saiful Nazrin Rahmat**, 44, berkata, pengalaman menguruskan jenazah pesakit Covid-19 sungguh berharga dan akan terpahat sepanjang hayatnya.

"Jika sebelum ini urusan pengebumian jenazah, ahli CTKI hanya memakai baju T dan berseluar panjang. Namun untuk jenazah pesakit Covid-19 pakaian khas perlu dipakai.

"Kami perlu memakai pakaian perlindungan diri (PPE), sarung tangan, pelindung muka dan lain-lain," katanya.

Saiful Nazrin berkata, sebelum ini dia hanya melihat petugas KKM memakai set lengkap pakaian perlindungan tersebut, namun setelah dia sendiri memakainya rasa insaf timbul dalam dirinya.

Katanya, untuk menguruskan jenazah pesakit Covid-19 segala SOP dari proses sanitasi hingga memakai PPE melibatkan anggota CTKI perlu diselia oleh pihak PKD.

"Bila saya dan ahli CTKI memakai PPE yang panas sepanjang urusan pengebumian barulah kita tahu cabaran sebenar petugas barisan hadapan. Cukup menginsafkan namun tugas ini harus dilakukan dengan sesempurna mungkin.

"Kes kematian semakin meningkat akibat pandemik ini.Sebagai ahli NGO saya membantu sebagai sebahagian fardu kifayah sesama saudara seislam,"katanya.

Bagi anggota CTKI, **Borhan Kamuri**, 63, dia sentiasa mematuhi SOP bagi memastikan tidak terkena jangkitan semasa menguruskan jenazah pesakit Covid-19.

Borhan berkata, tugas menguruskan jenazah wajib dilakukan dengan ikhlas tidak mengira jenazah pesakit biasa atau pesakit Covid-19.

"Kita semua akan meninggalkan dunia ini. Maka sewajarnya kita menguruskan arwah dengan sempurna dari mula hingga akhir.

"Pengalaman memakai PPE membuatkan kita menghargai pengorbanan barisan hadapan yang masih bertungkus-lumus merawat pesakit Covid-19,"katanya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kawasan perkuburan tersebut bukan sahaja bersih malahan tersusun untuk diziarahi para waris.



CREW Tanah Kubur Ijok lengkap dengan PPE sebagai persiapan mengurus jenazah mangsa Covid-19. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

# 12,930 RECOVERIES THE HIGHEST SO FAR

## Daily cases remain above 17,000 for second straight day

ADIB POVERA
**KUALA LUMPUR**
adibpovera@nst.com.my

MALAYSIA logged 12,930 Covid-19 recoveries yesterday, the highest ever.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said yesterday's recoveries pushed the country's tally to 890,742.

However, daily cases remained above 17,000 for two straight days, with 17,170 cases.

This is the third time daily infections exceeded 17,000 cases, with 17,405 on Wednesday and 17,045 on July 25.

He said yesterday's new cases raised cumulative cases to 1,078,646.

Selangor had the highest number of cases at 7,163, followed by Kuala Lumpur at 2,138, Kedah at 1,212 cases and Johor at 1,054 cases.

Negri Sembilan recorded 884 cases, Sabah had 772 cases, Pahang had 638 cases, Kelantan had 615 cases, Perak had 596, Sarawak had 582 cases, Penang had 554 cases, Terengganu had 437 cases and Melaka had 416 cases.

Dr Noor Hisham said 97.7 per cent, or 16,787, of yesterday's cases involved patients in Category 1 (asymptomatic) and Category 2 (mild symptoms).

"In addition, 2.3 per cent, or 383 cases, involved Category Three to Category Five symptoms in which the patients have developed lung infections, require oxygen assistance and critical case."

He said 36 new clusters were detected, with three related to visiting during Hari Raya Aidiladha last week.

One of the three clusters was the Jalan Denai Enam cluster in Johor Baru, he added.

"This cluster involved visiting activities in Jalan Denai 6, Kempas Baru, Johor Baru. Its index case is a 35-year-old woman who tested positive for the virus on July 26 following screenings of those displaying symptoms.

"Twenty-five people out of 90 screened in this cluster tested positive."

The two other Aidiladha clusters are the Dah Kampung Pokka Cluster in Padang Terap, Kedah, and Kampung Mentera Cluster in Kota Baru, Kelantan.

People in states in Phase One and Phase Two of the Nation Recovery Plan are not allowed to cross state lines.

The ministry detected two clusters whose index cases had an interstate travel history, Dr Noor Hisham said.

The Kampung Chenok Kadok cluster involved an index case, a woman, 23, who travelled from Putrajaya to Kelantan from July 17 to 21 to visit her family.

"The name of the cluster is based on the locality where the outbreak happened."

The other cluster was the Kampung Wakaf Stan Cluster, which involved an index case who travelled from Kedah to Kelantan from July 17 to 23.

The ministry detected a cluster involving villagers who attended a burial in Kampung Selabak, Teluk Intan in Perak on July 7.

"Eleven of the 36 people associated with the cluster tested positive for Covid-19."

The ministry detected a cluster that involved people who attended a social event in Kampung Pak Simpol, Melor, Bachok in Kelantan.

Of yesterday's new clusters, 18 were workplace clusters, with four in Selangor and three in Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham said the death toll rose to 8,725 after 174 fatalities were reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre.

He said there were 179,179 cases being treated in healthcare facilities in the country.

"There are 1,043 cases at Intensive Care Units with 531 being intubated."



*Customers adhering to the standard operating procedures at a supermarket in Kuala Lumpur yesterday.* BERNAMA PIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

'QUESTIONABLE EVIDENCE'

# 'STOP ILLEGAL SALE OF IVERMECTIN'

Medical, pharmacist bodies say it can have negative effects on community healthcare

TUTY HARYANTI AHMAD RODZI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Malaysian Pharmacists Society (MPS) and Malaysian Medical Association (MMA) have urged for the illegal sale of ivermectin, which may have detrimental effects on community healthcare, to cease immediately.

In a joint statement, the MPS and MMA yesterday said they were appalled and concerned by the widespread sale of ivermectin in the country.

They said they were concerned that some people went to great lengths to source for ivermectin, which has been claimed by some quarters as a "wonder drug" that could prevent Covid-19 infections.

"Over the past few weeks, the Pharmacy Enforcement Branches have conducted several raids, which saw the confiscation of illegal ivermectin tablets.

"This matter is made worse when certain politicians in Parliament and the Consumers Association of Penang are pushing for the use of this drug for prophylaxis against Covid-19 infections, despite questionable quality of evidence," the statement said.

The MPS and MMA said ivermectin was a Group B poison that had not been registered in Malaysia for Covid-19 treatment or prevention in humans.

They said ivermectin had only been approved for off-label use in clinical trials at 12 hospitals in the country.

"Therefore, ivermectin cannot be prescribed by any doctor or compounded and dispensed by any pharmacists other than with the approved indication as per the directive of the Health Ministry," they said, adding that those caught selling ivermectin for treatment or prevention of Covid-19 could be fined up to RM50,000.

The MPS and MMA said it was imperative for the public to understand that uncontrolled use of ivermectin could cause side effects that might be damaging.

"Since the start of the pandemic, both observational and randomised studies have evaluated ivermectin as a treatment for, and as prophylaxis against, Covid-19 infection.

"However, there are low-certainty evidence that ivermectin prophylaxis reduces Covid-19.

"The MPS and MMA call for such illegal activities to cease as it may have detrimental effects on community healthcare."

The MPS and MMA encouraged Malaysians to trust Covid-19 vaccines that had shown effectiveness in reducing the infection rate and mortality, citing what transpired in Labuan recently.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

NIP

# 3rd straight day of over 500,000 daily vaccinations

**KUALA LUMPUR:** The number of Covid-19 vaccines administered in the country exceeded 500,000 doses for three consecutive days, with 552,701 doses administered on Wednesday.

On Monday, 521,923 doses were dispensed, while a record high of 553,871 doses were administered on Tuesday.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba, on Twitter, said of the total daily doses given out on Wednesday, 353,771 were first doses and 198,930 second doses.

Since the Covid-19 National Immunisation Programme was implemented on Feb 24, the cumulative vaccine doses dispensed nationwide stood at 18,946,048 shots, involving 12,841,212 people getting their first shot and 6,104,836 people getting their second. **Bernama**



*An Orang Asli resident of Kampung Pulau Kempas getting vaccinated during an outreach programme in Jenjarom, Banting, yesterday.* BERNAMA PIC

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

**Covid-19 Current situation**

| Malaysia: New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|
| 17,170 | 1,078,646 | 8,725(+174) | 890,742(+12,930) |

**VACCINATED IN MALAYSIA** As at 11:59pm July 28 (Daily figures in brackets)

| TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED | FIRST DOSE TOTAL | SECOND DOSE TOTAL |
|---|---|---|
| 18,946,048 (552,701) | 12,841,212 (353,771) | 6,104,836 (198,930) |

| Perlis | Kedah | Penang | Perak | Selangor | Kelantan | Terengganu | Pahang | N. Sembilan | Melaka | Johor | Sabah | Sarawak | FT K. Lumpur | FT Putrajaya | FT Labuan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| +10 | +1,212 | +554 | +596 | +7,163 | +615 | +437 | +638 | +884 | +416 | +1,054 | +776 | +582 | +2,138 | +84 | +11 |

# Positive cases sat out of Parliament

## 56 found infected during Covid-19 screening activity before start of sitting

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry discovered 56 positive cases from its Covid-19 screening activity before the start of Parliament, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said the 56 positive cases involved MPs as well as officers on duty during the special five-day Parliament sitting.

"All individuals who were invited to attend this Parliament session had to undergo Covid-19 screening between July 21 and 25, either at the Parliament complex, Putrajaya health centre or other government and private health facilities.

"During that period, a total of 2,093 individuals underwent screening.

"As at July 28, 56 Covid-19 positive cases have been detected from two MPs, six MP aides and 48 officers from various government agencies.

"The positivity rate is 2.7%. Of the 56 positive cases, 39 (69.6%) are those who are unvaccinated or have not completed their vaccination doses.

"Based on investigations and risk assessments carried out by the ministry, these positive cases have no epidemiology link to each other," said Dr Noor Hisham in a statement yesterday.

Among the requirements for individuals to enter Parliament during this special sitting was to provide a copy of their negative Covid-19 test result.

Dr Noor Hisham said all the 56 individuals who tested positive were not allowed to attend this Parliament sitting, and are currently under isolation and receiving treatment.

He added that the ministry also detected four more positive Covid-19 cases through contact tracing.

"All four of these close contacts have not attended the Parliament sitting since the first day it has been in session, and they are under the ministry's care," said Dr Noor Hisham, who added that as at July 28, 104 individuals who attended Parliament had also taken RTK-Ag self-tests provided on site, with all testing negative.

MOH had set up a booth at Parliament to help individuals undergo a rapid self-test if they find themselves developing symptoms.

"Investigations will be conducted if there are any Covid-19 positive cases detected among individuals attending Parliament to find the source of the infections.

"Besides that, risk assessment will also be conducted to find out whether there is an outbreak in Parliament, and whether there is a need for temporary closure to carry out preventive and control measures.

"Based on risk assessment conducted by the health team in Parliament, no Covid-19 outbreaks have been detected.

"However, monitoring and risk assessment will continue until the end of the Parliament sitting," said Dr Noor Hisham, who added that MOH had earlier proposed that the Parliament special sitting be shorter.

"This matter was proposed during a special meeting on the coordination of Dewan Rakyat, which was held at 8am on July 26.

"The ministry then had recommended that the number of physical attendees in Parliament be reduced, taking into account the current Covid-19 pandemic situation in Malaysia and the results of the pre-Parliament screening."

Watch the video TheStarTV.com

# DG: Most cases asymptomatic or mild

**PUTRAJAYA:** Malaysia's Covid-19 situation remains high as its daily figures stayed above the 17,000 mark for the second consecutive day.

In his daily Covid-19 update, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country recorded 17,170 new cases, bringing the national tally to 1,078,646.

"Of the 17,170 cases recorded, 383 or 2.3% are cases in Categories 3, 4 and 5 whereas 16,787 or 97.7% are cases that are asymptomatic or have mild symptoms," he said.

About 14,417 (83%) of the new cases involved individuals who have not been vaccinated.

Selangor remained the state with the most cases, recording 7,163 new infections.

Of the state's total, 3,949 cases (55%) were traced from close contacts of positive cases.

Another 3,127 cases (43%) are sporadic cases while 84 are those linked to clusters.

Selangor also reported three import cases.

The country's infectivity rate continued to climb, up to an Rt level of 1.16 on Wednesday compared to 1.14 the previous day.

Terengganu and Kelantan had the highest infectivity rate – recording Rt levels of 1.33 and 1.26 respectively.

Meanwhile, another 174 more people in Malaysia have succumbed to the disease.

Dr Noor Hisham said the Covid-19 death toll is now 8,725.

"Of the 174 deaths, 157 were Malaysians and 17 foreign nationals," he said.

Selangor had the most number of fatalities with 70 cases reported, followed by Kuala Lumpur with 20.



**Safety first:** Fire and Rescue personnel sanitising the Dewan Rakyat after several Covid-19 positive cases were detected in Parliament. — Bernama

Johor and Kedah had 17 cases each, Melaka had 10, while Negri Sembilan and Penang had nine each.

Sabah and Terengganu had eight deaths each, Perak three, Kelantan two and Pahang one. Of the fatalities, 28 were classified as "brought-in-dead" cases – including 13 in Selangor.

A total of 140 casualties had some form of underlying conditions.

Currently, 1,043 patients are in intensive care units (ICU), with 531 on ventilator support.

Another 12,930 patients were discharged from treatment yesterday.

To date, 890,742 patients in Malaysia have recovered from Covid-19.

Total active cases in the country have now gone up to an all-time high of 179,179.

The Health Ministry also identified 36 new Covid-19 clusters, bringing the number of active ones nationwide to 1,064.

**New cases by category for July 29**

**TOTAL CASES 17,170**

**Category 1**
Asymptomatic (no symptoms)
**8,488 cases - 49.4%**

**Category 2**
Mild symptoms
**8,299 cases - 48.3%**

**Category 3**
Pneumonia (inflammation of the lungs)
**198 cases - 1.2%**

**Category 4**
Pneumonia and require oxygen
**138 cases - 0.8%**

**Category 5**
Pneumonia and need ventilator support
**47 cases - 0.3%**

Source: Health Ministry TheStar graphics

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Perspective on health should be reviewed, says expert

Wrong to place whole society on same platform over the issue of strengthening personal well-being

BY **ELLY FAZANIZA**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Expensive health screening and nutrient-rich diets are usually beyond the reach of those in the low-income communities, making simple and clear messages especially for children essential in their defence against non-communicable diseases (NCDs).

Starting them young on healthcare priorities will go a long way towards addressing the incidence of one or several forms of NCDs among those in the B40 group, an expert told *theSun*.

"Before we start to talk about creating awareness on healthcare, we need to understand the individual's socio-economic status," said Ong Mei Ching, the Asia-Pacific head of US-based cancer charity, The Max Foundation.

"If a person or a household is still living from hand to mouth, can they afford food with more health benefits?" she asked.

"We can teach them about healthy eating, about the good sources of carbohydrates and proteins, but in reality can they afford these types of food?" she said.

She said a quick check at the grocery store will show that more healthy food also comes at a higher price.

Ong said the next issue is the need for more exercise and less stress to ensure personal well-being.

"But if you are the sole breadwinner in a B40 family, you are most likely to be working three jobs just to meet your family's basic needs. Would you have time to exercise and not get so stressed out?" she said.

She said it would be a mistake to place the whole society on the same platform when dealing with the issue of strengthening an individual's well-being.

Ong said another issue is dealing with the health problem. "A person may have found out from the screening that he has diabetes and is given the drugs to treat it. But if all he can afford is cheap high-calorie food, it is not going to help," she pointed out.

"Constantly fixing the health problem is a very narrow perspective. We'll just get stuck in the same cycle, not making any progress," she added.

Ong said health is not just about regular screening, looking for symptoms or healthy diets and lifestyle. "We need to rethink our perception of personal well-being," she added.

In a recent statement, the Health Ministry revealed that of the 457,462 individuals who took up the Peka B40 (Health Awareness Scheme for the B40), 151,729 or 33% were found to have at least one form of NCD.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba described the findings, based on the Peka B40 2019-2020 report, as "worrying".

These people never knew they had NCD prior to the screening. Of those who were screened, 10.4% had diabetes, 29.8% had high cholesterol, 13.8% had high blood pressure, 1.6% were suffering from mental problems and depression and another 1.4% were facing anxiety. And that is not even accounting for obesity, another major health problem.

Studies over the past few years had repeatedly put Malaysia at the top of the list of most obese nations in Asia.

Adham said prior to the Peka B40 health screening, these individuals had never had the condition of their well-being assessed, let alone sought follow-up treatment.

National Cancer Society of Malaysia medical director D. M. Murallitharan pointed out that childhood obesity is a major cause of many NCD and death, and Malaysia ranks high on the obesity chart.

"They are getting younger, hence the need for a screening if they exhibit signs of often being ill," he told *theSun*.

He conceded that despite the increased awareness on the issue, the message has fallen on deaf ears.

"Obesity leads to NCD such as hypertension, coronary heart disease, stroke, gallbladder disease and osteoarthritis," he said.

"The risk of developing cancer also rises with obesity. An obese person is two to four times more likely to get cancer of the uterus, liver and kidney," he said.

A recent study by the United Nations International Children's Emergency Fund showed that 12.7% of Malaysian children aged five to 19 are obese, the second highest in Southeast Asia after Brunei.

Murallitharan added that a simple blood test can determine the margin risk of a child's obesity to curb future risks.